

Program Berjalan Kaki Harmoni Bersama Menteri

Oleh Fizwan Hafiy Mohamad Noor

feezwanhafiey07@gmail.com

KOTA KINABALU, 10 MAC - Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Datuk Haji Tawfiq Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan bersama-sama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Sabah dengan kerjasama beberapa agensi di negeri ini menganjurkan program Berjalan Kaki Harmoni Bersama Menteri bermula dari perkarangan Masjid Negeri Sabah ke Taman Perdana Tanjung Aru, Kota Kinabalu pada pukul 10 pagi hari ini.

Turut hadir bersama ialah Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Bungsu Aziz Jaafar, Timbalan Ketua Pengarah DBKK, Tuan Haji Bahari Haji Hassan, Timbalan Presiden MBS, Azuwan Marjan, Pegawai Tadbir Agama JHEAINS Bandaraya, Ustazah Dayang Kamariah Awang Yahya dan Timbalan Pengarah Lembaga Tabung Haji Sabah, Norsaiful Adlan Mohd Dimyati.

Program yang disertai oleh Sahabat Yadim Universiti Malaysia Sabah (SYUMS) telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai dengan jumlah penyertaan seramai 400 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Pengarah YADIM Zon Sabah, Samin Ongki berkata, program ini adalah kolaborasi di antara beberapa agensi seperti YADIM Sabah, Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBS), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Majlis Belia Sabah (MBS).

Objektif program tersebut adalah bagi menyahut seruan kerajaan dan mendorong anggota masyarakat menjalani gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti menyihatkan badan.

Aktiviti dakwah yang santai turut dilaksanakan dan melibatkan semua lapisan masyarakat pelbagai kaum terutamanya golongan belia seterusnya menerapkan gaya hidup yang positif ke arah keharmonian bersama.



Foto Oleh Fizwan Hafiy Mohamad Noor